

|             |                     |            |                    |
|-------------|---------------------|------------|--------------------|
| Headline    | KERANA MINAT...     |            |                    |
| MediaTitle  | Harian Metro        |            |                    |
| Date        | 23 Sep 2017         | Language   | Malay              |
| Circulation | 179,231             | Readership | 537,693            |
| Section     | Arena               | Page No    | 72                 |
| ArticleSize | 771 cm <sup>2</sup> | Journalist | Sarful Affendy Sap |
| PR Value    | RM 91,118           |            |                    |



Saiful Affendy Sapran  
saifulaffendy@hmetro.com.my

## KERANA MINAT...

■ **Shahril sanggup berhabis RM70,000 demi penuhi cita-cita buka kedai permainan video**

**B**ermain konsol permainan video Play Station 4 (PS4) adalah satu perkara biasa bagi anak muda zaman sekarang, tetapi membina perniagaan dengan membuka kedai permainan video berkenaan bukan sesuatu yang lazim.

Tetapi itulah yang dilakukan pakar pukulan sudut penalti skuad hoki negara, Muhammad Shahril Saabah yang boleh berbangga kerana berjaya membuka kedai permainan video seawal usianya 23 tahun di Taman Bukit Indah, Ampang.

Menceritakan detik bagaimana timbulnya idea untuk membuka kedai permainan video yang dinamakan Battlezone 01 itu, Shahril berkata ia sudah lama berada dalam kotak fikirannya.

"Saya serta rakan sepasukan lain memang sinonim dengan permainan PS4. Jadi saya mula terfikir elok juga jika buka perniagaan ini."

"Ketika beraksi di saingan Separuh Akhir Liga Hoki Dunia

di London, Jun lalu, saya sudah mula terfikir untuk serius membuka kedai permainan video.

"Justeru, apabila pulang ke Malaysia, saya segera membeli barang-barang keperluan dan kemudian mencari lokasi strategik."

"Saya mendapati kawasan di Bukit Indah, Ampang adalah lokasi paling strategik dan akhirnya membuat keputusan menyewa kedai di kawasan berkenaan sebelum membukanya pertengahan bulan lalu," katanya.

Jelas Shahril, dia semanginya serius dengan perniagaannya itu dan sanggup berbelanja kira-kira RM70,000 demi untuk memenuhi cita-citanya.

"Saya perlu membeli 10 konsol permainan PS4 dan kemudian 10 buah televisyen."

"Itu tidak termasuk lagi modal untuk membeli barang lain seperti sofa serta kos mem-

### PROFIL MUHAMMAD SHAHRIL SAABAH

Asal: Kuala Lumpur

Umur: 23 tahun

Tinggi: 175cm

Berat: 75kg

Kelab: Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Pencapaian

- Keempat Piala Dunia

Remaja di India 2013

- Beraksi di Piala Dunia di The

Hague, Belanda 2014

- Keempat Separuh Akhir

Liga Hoki Dunia di London

2017 sekali gus layak

ke Piala Dunia 2018

baik pulih kedai.

"Anggaran kos untuk semua itu adalah kira-kira RM70,000. Wang ini adalah hasil daripada yang saya kumpul selama ini," katanya.

Dia juga menepis tanggapan negatif mengenai kedai per-

mainan video apabila menerapkan konsep lebih terbuka dan santai.

Shahril berharap dengan langkah besar yang dilakukannya itu, perniagaannya dapat terus berkembang dan bertahan lama.

"Semua sedia maklum karier untuk seorang atlet itu tidak bertahan lama. Pada usia 30 hingga 35 tahun rata-ratanya pasti akan bersara."

"Begitu juga dengan saya dan atas sebab itu saya melakukan persediaan awal dengan cuba menjalankan perniagaan ini."

"Supaya apabila bersara nanti saya mempunyai pendapatan yang stabil," katanya yang mendapat sokongan padu ahli keluarganya sendiri.



“Ketika beraksi di saingan Separuh Akhir Liga Hoki Dunia di London, Jun lalu, saya sudah mula terfikir untuk serius membuka kedai permainan video. Justeru, apabila pulang ke Malaysia, saya segera membeli barang-barang keperluan dan kemudian mencari lokasi strategik”

Muhammad Shahril Saabah



SHAHRIL sentiasa memastikan peralatan di kedainya dalam keadaan terbaik.



SHAHRIL (berdiri tengah) melayan pelanggan di kedainya.



SHAHRIL (duduk kiri) bersama 'orang kuat' Battlezone 01.

Foto: OSMAN ADNAN